

**TEKS UCAPAN YDP
KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PIALA GREEN MPSP 2012
13 MEI 2012 (AHAD)
6.30 PETANG
KOMPLEKS SUKAN BERTAM, KEPALA BATAS**

.....

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati En. Ahmad Farid Bin Md Arshad selaku Ahli Majlis dan
Pengerusi Program Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah ini

Yang Dihormati En. Abdul Latif Bin Abdullah selaku Ahli Majlis

Yang Dihormati Tuan Haji Md. Jamil Bin Abd.Rahman selaku Ahli Majlis

Yang Dihormati En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah selaku Ahli Majlis

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan

Ketua-Ketua Jabatan

Pengerusi JKKK Seberang Perai Utara

Pihak Penaja Hadiah Cabutan Bertuah

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT
kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama – sama
berkumpul di Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas ini, bagi
menjayakan Kejohanan Bolosepak 9 Sebelah Piala Green MPSP 2012
yang telah berlangsung sejak awal pagi tadi dan ini merupakan program

pertama yang diadakan oleh MPSP dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat. Saya difahamkan terdapat 28 pasukan yang mengambil bahagian. Terima kasih diucapkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana menjemput saya untuk majlis penutupan dan penyampaian hadiah pada petang ini, dan juga kepada pihak –pihak yang menaja hadiah-hadiah cabutan bertuah bagi Kejohanan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kejohanan Bola Sepak pada hari ini hanya merupakan acara yang bermakna dimana kita semua berpeluang untuk sama- sama melibatkan diri berusaha bersungguh-sungguh untuk menyatakan komitmen kita kepada pasukan yang kita wakili. Namun begitu, bagi saya, apa yang lebih penting di sini ialah kejayaan menganjurkan acara ini adalah satu usaha untuk mewujudkan semangat setiakawan, semangat muafakat dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan untuk dikongsi bersama-sama.

Saya percaya, kejohanan sukan yang diadakan seperti ini, dapat mengeratkan lagi ikatan silaturahim di kalangan penduduk-penduduk di Seberang Perai Utara. Dalam sesuatu pertandingan, menang atau kalah bukanlah ukuran penting untuk menentukan kualiti sesebuah pasukan, tetapi dinilai dari segi semangat kesukanan bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan pasukan yang menang.

Program ini selari dengan program *“Cleaner, Greener, Safer And Healthier Penang”* dan juga moto MPSP iaitu *“Sustainability Is Our Commitment”*. MPSP komited dengan aktiviti sukan dan rekreasi dimana kita telah pun menubuhkan pasukan bola sepak dari PESUKA dan pasukan ini juga melibatkan diri dalam pertandingan ini. Selain itu, kita juga telah menubuhkan pasukan berbasikal *“Green Ride MPSP”*, senamrobik MPSP dan juga melancarkan laluan basikal sepanjang 200km untuk SPU, SPT dan SPS. Kita telah membuat program berbasikal di SPU sepanjang 32km pada Mac yang lepas dan alhamdulillah kita menerima penyertaan sebanyak 300 peserta dan cubaan yang ke dua akan di buat di SPT sejauh 36km pada 3 Jun 2012 dan untuk SPS menyusul kemudian. Saya disini menjemput semua untuk melibatkan diri dalam program ini dan tempat berkumpul adalah di MPSP. Pada pagi ini, di Pusat Sumber Alam Sekitar SPU di Taman Bagan Lalang, saya juga telah berbasikal bersama seramai 500 orang sepanjang 12km dan juga senamrobik.

Tuan-tuan dan puan- puan sekalian,

MPSP dalam proses menaik taraf taman rekreasi untuk kemudahan semua penduduk sekitar Seberang Perai seperti proses menaik taraf Taman Tunku akan siap pada bulan Jun 2012 dan begitu juga dengan Bukit DO, SPT dalam perancangan dan Vision Park Bertam akan dirasmikan tidak lama lagi. Pelbagai acara rekreasi diharap dapat dijalankan di taman rekreasi tersebut setelah ianya dinaik taraf dan saya mohon penglibatan semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya tidak berhasrat untuk bercakap lebih panjang lagi, kerana saya percaya, semua pemain telah letih dan penat kerana telah bermain sejak pagi tadi lagi. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan kejohanan bola sepak pada hari ini. Saya harapkan pertandingan sebegini dapat diteruskan dan dijadikan acara tetap / tahunan.

Justeru itu, saya menutup Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Green MPSP 2012.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.